

SUB-COMMITTEE REPORT**SYARIAH & BAHASA MELAYU (“JKSBM”)**

**Nurul Muhaniza
Binti Hanafi**

Pengerusi	:	Nurul Muhaniza binti Hanafi Hj Zainal Abidin bin Shaik Zakaria
Ahli Jawatankuasa	:	Kasmani binti Baharuddin (Setiausaha) Muhammad Izhar bin Mohd Salehuddin Puan Nadzifah binti Maarof W. Asmaliza binti Abdullah Nor Albina Alleseana binti Mohd Jaib



**Hj Zainal Abidin bin
Shaik Zakaria**

(“JKSBM”) dari Jawatankuasa Peguam Selangor adalah satu jawatankuasa kecil yang diwujudkan dengan objektif merapatkan hubungan dua hala antara pihak-pihak berkepentingan dalam perundangan syariah dengan JKSBM. Seperti tahun-tahun sebelum ini, tahun ini, JKSBM hanya berkesempatan mengadakan beberapa program seperti berikut :-

1. Mesyuarat dengan Bahagian Syariah, Jabatan Peguam Negara

Pada 22.05.2023, pihak JKSBM telah diberikan kesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Dato’ Anas bin Ahmad Zakie, Ketua Bahagian Syariah & Pengharmonian Undang-Undang (BSPUU), Jabatan Peguam Negara dan pegawai-pegawai beliau di BSPUU, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.

Kunjungan tersebut adalah lebih kepada sesi bertukar-tukar pandangan tentang isu-isu semasa berkaitan dengan Syariah dan Bahasa Melayu. Antara isu yang dibincangkan ialah sama ada potongan nafkah boleh dilaksanakan melalui akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sama ada perintah menguatkuasakan boleh dilakukan terhadap akaun KWSP kaum bapa yang ingkar membayar nafkah anak-anak yang mana, JKSBM dimaklumkan, masih dalam perancangan memandangkan terdapat

beberapa kekangan dalam Akta KWSP dan perkara-perkara lain yang perlu diatasi terlebih dahulu.

2. **Mesyuarat Jabatan Kehakiman Negeri Selangor (“JAKESS”)**

Pada 10.08.2023, pihak JKSBM juga telah diberikan peluang mengadakan kunjungan hormat terhadap YAA Hakim Mahkamah Syariah Selangor Dato’ Mohammad Adib bin Husain bersama pegawai-pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (“JAKESS”).

Dalam pertemuan tersebut, JKSBM berkesempatan menimbulkan beberapa isu dan cadangan untuk perhatian YAA Hakim Dato’ Mohammad Adib bin Husain. Antara isu-isu yang ditimbulkan adalah ketidakseragaman dalam tatacara memberikan keterangan, penyediaan ikatan dokumen, kelewatan dalam semakan dan kelulusan deraf-deraf perintah serta cadangan mewujudkan sistem sebutan secara *e-review* seperti yang dilaksanakan di mahkamah sivil bagi menjimatkan masa pihak-pihak.

3. **Program Kebajikan**

Seperti tahun-tahun sebelum ini, pada 07.04.2023, JKSBM berkesempatan mengadakan program menyantuni masyarakat dengan mengadakan majlis berbuka puasa atau *iftar Ramadhan* di Madrasah Nur Shafiee, di USJ, Taman Subang Permai yang turut disertai oleh wakil-wakil dari rumah-rumah kebajikan yang lain, seperti yang berikut:-

- **Rumah Nur Sakinah** yang beralamat di No.1, Jalan Zuhrah U5/154, Taman Subang Murni, Shah Alam (berdekatan Subang Air Port). Terdapat 20 kanak-kanak lelaki berumur 2 tahun sehingga 6 tahun serta 20 kanak-kanak perempuan berumur 2 tahun sehingga 6 tahun.
- **Rumah Anak Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RECTAR)** yang beralamat di Lot 746, Jalan USJ 1/18, Subang Jaya (Berdekatan Mydin USJ). Terdapat 30 kanak-kanak perempuan berumur antara 7 tahun sehingga 19 tahun.
- **Rumah Ustaz** yang melibatkan 36 kanak-kanak yang berumur di bawah 16 tahun & 6 penjaga.
- **Rumah Yayasan Noor Manzil (Puchong)** yang melibatkan 5 kanak-kanak lelaki berumur 17, 9 & 8 tahun, 8 kanak-kanak perempuan berumur 17, 16, 15, 9 & 4 tahun, seorang bayi perempuan berusia 2 bulan, seorang penjaga lelaki, serta 2 orang penjaga perempuan.

4. **Kursus Perbankan Islam**

Pada 27 & 28.11.2023 bertempat di Auditorium Jawatankuasa Peguam Selangor, JKSBM dengan kerjasama Jawatankuasa Peguam Selangor telah menganjurkan kursus berkaitan perbankan Islam selama 2 hari bermula dari 9:00 pagi sehingga 4:00 petang yang merupakan sebahagian daripada program Pembangunan Profesional Berterusan untuk para peguam.

Dr Syed Adam Alhabshi (CPIF), seorang tokoh perundangan yang terkenal dengan kepakarannya dalam ilmu perbankan Islam telah dijemput membentangkan tajuk “*Structuring Islamic Products & Legal Documentation*” kepada lebih kurang 63 peserta sepanjang kursus selama 2 hari tersebut.

Sepanjang tempoh kursus tersebut, Hj Zainal Abidin bin Shaik Zakaria telah bertindak sebagai moderator dalam sesi soal-jawab berkaitan dengan tajuk yang dibentangkan tersebut.

Terdapat beberapa lagi program yang belum dilaksanakan seperti “*Meet & Greet*” Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat (Ketua Hakim Negara) bersama Peguam - Peguam Syarie Selangor yang dijadualkan pada 31.01.2024 di Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya. Selain itu, pertandingan pantun juga belum dilaksanakan kerana kekangan masa dan menunggu kelulusan daripada pihak-pihak yang berkaitan.

Saya mewakili semua ahli JKSBM Jawatankuasa Peguam Selangor mengambil kesempatan ini memohon maaf di atas kekurangan, kekangan masa dan peluang dalam memberikan perkhidmatan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Peguam Selangor.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada setiap ahli dan pihak yang telah berganding bahu membantu menjayakan program-program JKSBM sepanjang sesi ini.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada sekretariat Jawatankuasa Peguam Selangor yang banyak membantu melancarkan program-program yang dianjurkan selama ini, ibarat bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Sekian, Laporan dari Jawatankuasa Kecil Syariah & Bahasa Melayu.

Terima Kasih.

Laporan disediakan oleh:

Nurul Muhaniza Binti Hanafi
Hj. Zainal Abidin Bin Shaik Zakaria
Pengerusi Jawatankuasa Kecil Syariah & Bahasa Melayu
Jawatankuasa Peguam Selangor